



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 40 / 2022**

**KELAHIRAN NABI SAW PEMBAWA  
HIDAYAH DAN RAHMAT**

**10 R.Awal 1444H**  
*Bersamaan*  
**7 Oktober 2022**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ  
الْمُشْرِكُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ – فَيَا عِبَادَ اللَّهِ – أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan juga diri sendiri supaya bertaqwa kepada Allah. Dengarlah perintah Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.**

Dari mimbar jumaat yang mulia ini, marilah sama-sama kita menumpukan perhatian kepada satu khutbah bertajuk :

#### **“Kelahiran Nabi SAW Pembawa Hidayah dan Rahmat”.**

Rabi’ul Awwal menjadi bulan istimewa kepada umat Islam sedunia sebagai bulan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang merupakan nabi akhir zaman yang diutuskan untuk membawa rahmat ke sekalian alam.

Kelahiran ini bukanlah kisah kelahiran manusia terunggul semata-mata, bahkan ia kisah kelahiran yang membawa bersamanya kiriman hidayah dan rahmat.

Hidayah dan rahmat daripada kelahiran Rasulullah SAW merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk aqidah, syariah dan akhlak. Dalam soal membersihkan aqidah, Baginda SAW membimbing umat manusia kepada mentauhidkan Allah setelah masyarakat dunia kehilangan arah sehingga meluasnya syirik dengan penyembahan berhala, api, pokok, binatang, bulan, bintang, matahari dan sebagainya.

Dalam soal syariat perundangan atau hukum-hakam agama maka ia diajar dan diperlihatkan oleh Baginda saw sama ada melalui teori dan amali dengan sunnah perkataan, perlakuan dan persetujuan. Syariat yang memenuhi segala keperluan dan menepati segala kepentingan manusiawi. Syariat yang benar-benar membela setiap golongan dalam masyarakat manusia sama yang kaya atau miskin, pemimpin atau rakyat. Setelah dunia ketika itu terperangkap dengan undang-undang yang menindas sesama manusia dan tidak dapat berlaku adil dan saksama terhadap semua pihak.

Begitu juga dengan akhlak ditunjukkan melalui kehidupan seharian dan nasihat yang berkesan sehingga keindahan akhlak nabi Muhammad SAW berjaya menarik ramai manusia yang selama ini tenggelam dalam arus kerakusan hawa nafsu kepada adab Islam yang murni.

Baginda SAW telah menunjukkan satu kualiti tertinggi dalam kepimpinan dan contoh tauladan. Sesungguhnya kejayaan sesuatu kepimpinan dalam keluarga, masyarakat, negeri dan mahupun negara bergantung kepada sejauh mana kita mencontohi tauladan dan gaya kepimpinan Nabi Muhammad SAW.

Firman Allah dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا

**Maksudnya** : Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah.

**Sidang Jumaat yang diberkati Allah,**

Tidaklah pelik apabila generasi awal terdahulu terlalu mengkagumi keperibadian Nabi SAW sehingga mereka mencontohi Nabi SAW dalam semua hal, mematuhi Nabi SAW dalam semua situasi dan mempertahankan Nabi Muhammad SAW lebih dari keluarga terdekat dan harta benda tersayang. Mereka menghayati Sabda Nabi SAW :

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وُلْدِهِ وَوَالِدِهِ

وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

**Maksudnya:** Demi Tuhan yang jiwaku di tanganNya! Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga aku lebih dikasihinya daripada anaknya, bapanya sendiri dan sekalian manusia.

(Hadis riwayat al Bukhari dan Muslim)

Rasulullah SAW sangat merindui umatnya walaupun Baginda SAW tidak pernah bertemu kita. Itulah keagungan pada diri Baginda SAW. Sebuah hadis ada menyatakan mengenai kerinduan dan kecintaan Rasulullah SAW terhadap umatnya yang lahir selepas kewafatan Baginda SAW.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersama sahabatnya pergi ke kawasan perkuburan Baqi' dan bersabda yang bermaksud: "Sejahtera ke atas kamu (penghuni) negeri orang-orang yang beriman. Sesungguhnya kami dengan kehendak Allah akan menyusuli kamu. Amat ingin di hatiku seandainya dapat kita melihat saudara-saudara kita." Sahabat Baginda bertanya: "Apakah kami ini bukan saudara-saudaramu ya Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "Kamu semua adalah sahabat-sahabatku. Sedangkan saudara-saudara kita adalah (orang-orang Mukmin) yang belum muncul (orang-orang beriman tanpa pernah bertemu Rasulullah SAW)."

(Hadis riwayat Muslim)

Nabi SAW juga menyanjung mulia umat akhir zaman yang masih beriman walaupun tidak pernah bersua muka dengan Baginda SAW. Baginda SAW bersabda:

طُوبَى لِمَنْ رَأَى وَأَمَّنَ بِي، ثُمَّ طُوبَى، ثُمَّ طُوبَى،

ثُمَّ طُوبَى لِمَنْ آمَنَ بِي وَلَمْ يَرِنِي

**Maksudnya:** "Beruntunglah bagi orang yang melihatku dan beriman denganku. Beruntung lagi beruntung dan lagi beruntung bagi orang yang beriman denganku tetapi dia tidak melihatku."

Hadith riwayat Ahmad.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Justeru, amat wajar sekali kita muhasabah diri, sejauh manakah kecintaan kita kepada Rasulullah SAW benar-benar menepati maksud beriman kepada Baginda SAW dan menjejaki Sunnah Baginda SAW sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Aali 'Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

**Maksudnya:** Katakanlah: Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Bagi mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita renungi iktibar sempena Maulidur Rasul SAW. Antaranya :

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa kelahiran Nabi Muhammad SAW adalah menjadi rahmat dan hidayah buat sekalian alam.
2. Umat Islam hendaklah membuktikan kecintaan mereka kepada Rasulullah SAW melalui permuliaan akidah iman, kefahaman dan penghayatan syariat, diterjemahkan melalui kesopanan akhlak yang terpuji.
3. Umat Islam mestilah bertekad untuk melakukan perubahan dan anjakan kepada situasi yang lebih baik dalam setiap amalan seharian.
4. Bagi menyatakan kecintaan kita kepada Rasulullah SAW, marilah kita hadir beramai-ramai ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Terengganu yang akan disambut pada 12 Rabiul Awal 1444H bersamaan 9 Oktober 2022 nanti.

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا

نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan Rasulullah, dan bagi kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin serta orang musafir. Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya dari kalangan kamu. Apa jua yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah ia, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya.

(Surah al-Hasyr : ayat 07)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan. Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami, keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.